KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SANTUNI KASIH KPWKM PERKUKUH AKSES RAKYAT KEPADA PERLINDUNGAN SOSIAL DAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

KUCHING, 31 OKTOBER 2026 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus memperkukuh pendekatan turun padang bagi memastikan dasar, bantuan dan perkhidmatan Kerajaan dapat diakses serta dimanfaatkan secara langsung oleh rakyat, khususnya golongan yang memerlukan.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata, penganjuran julung kali Program Santuni KASIH KPWKM 2026 di Plaza Merdeka, Kuching, Sarawak merupakan manifestasi komitmen Kementerian untuk merapatkan jurang penyampaian perkhidmatan melalui sesi libat urus, khidmat nasihat serta perkongsian maklumat berkaitan bantuan, perlindungan sosial dan peluang pemerkasaan ekonomi.

Menurut beliau, keberkesanan sesuatu program bukan semata-mata diukur berdasarkan jumlah kehadiran, sebaliknya melalui manfaat sebenar yang diterima rakyat, termasuk akses kepada bantuan kebajikan, sokongan kekeluargaan, peluang menjana pendapatan dan perkhidmatan penjagaan.

Selaras dengan komitmen tersebut, Belanjawan MADANI 2027 memperuntukkan hampir RM3.3 bilion bagi bantuan kepada golongan yang memerlukan, termasuk RM1.3 bilion untuk Bantuan Warga Emas dan sektor penjagaan yang dijangka memanfaatkan hampir 200,000 penerima.

Bagi golongan orang kurang upaya (OKU), peruntukan RM1.5 bilion dijangka memberi manfaat kepada lebih 300,000 penerima. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik turut ditingkatkan daripada RM500 kepada RM600 sebulan, manakala kelayakan Elaun Pekerja OKU diperluas kepada individu berpendapatan sehingga RM2,000.

Bantuan Kanak-Kanak pula ditingkatkan kepada RM250 sebulan bagi kanak-kanak berumur enam tahun dan ke bawah serta RM200 bagi mereka yang berumur tujuh hingga 18 tahun. Pemerkasaan ekonomi wanita turut diperkukuh melalui Geran Sejahtera MADANI berjumlah RM200 juta yang menyasarkan 40,000 penerima.

Sarawak juga bakal menerima manfaat melalui perancangan pembangunan sebuah Pusat Kepakaran Penjagaan Bersepadu (NICE), selain sebuah lagi pusat yang dirancang di Pulau Pinang. Inisiatif ini menyokong usaha memperluas akses kepada perkhidmatan penjagaan yang berkualiti dan mampu dibayar, selaras dengan Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan Malaysia 2026–2030.

Dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat, KPWKM turut mencatat kemajuan penting sepanjang tahun 2026, antaranya pelancaran Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara 2026–2030, Dasar KASIH Keluarga Negara serta Inisiatif Sektor Penjagaan dan Kempen Penjagaan KPWKM.

Di Sarawak, komitmen Kementerian turut dizahirkan melalui penubuhan Anjung Kasih di Hospital Bintulu hasil kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan Bintulu Port Holdings Berhad, yang berupaya memberikan manfaat kepada 30 keluarga pada satu-satu masa. Kampung Rampangi, Kuching pula dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI KPWKM bagi tahun 2026.

Program Santuni KASIH KPWKM turut menyaksikan Penutupan Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2026 yang bertemakan *"Kaunseling Era Digital: Memacu Kesejahteraan"*, dengan penyertaan hampir 150 kaunselor berdaftar dari seluruh negara.

Bersempena dengan itu, buku panduan *"Technology-Integrated Counselling: A Malaysian Guide to Ethical, Safe and Effective Practice"* diperkenalkan sebagai rujukan praktikal kepada pengamal kaunseling bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan berteraskan teknologi secara beretika, selamat dan berkesan.

KPWKM kekal komited memastikan setiap dasar, peruntukan dan inisiatif diterjemahkan kepada manfaat yang nyata melalui kerjasama strategik antara Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg Dato' Ruziah binti Haji Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBrs. Encik Mohd Daud bin Mohd Arif, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan Persekutuan dan Negari.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
31 OKTOBER 2026